Dewan Rakyat oleh ZAINUDDIN AYIP, BUSTAMAM AHMAD dan OMI HABIBAH SHARIFF

PENGISIAN JAWATAN2 DIBEKUKAN

KUALA LUMPUR, Jumaat — Semua kekosongan jawatan kerajaan dan badan-badan berkanun dibekukan, kecuali dalam kumpulan A,B dan teknikal (C dan D) sebagai langkah berjimat cermat di zaman kemelesetan ekonomi sekarang.

Sebaliknya, kerajaan juga menggalakkan pengisian jawatan secara kontrak khususnya dalam kumpulan C dan D.

Timbalan Menteri Kewangan, Encik Sabaruddin Chik ketika menjawab soalan tambahan Encik Alias Ali (BN-Hulu Terengganu) di Dewan Rakyat hari ini, berkata:

"Dalam keadaan tertentu, kenaikan pangkat masih diteruskan dan penggantian jawatan mereka yang bersara, bertukar, meninggal dunia atau diberhentikan juga dibuat," jelasnya.

Sementara itu, rakan sejawatnya, Datuk Dr. Ling Liong Sik ketika menjawab soalan Encik Yeoh Poh San (BN-Petaling) yang ingin tahu langkah kerajaan meningkatkan taraf bidang perakaunan di negara ini berkata:

"Akta Akauntan 1967 (Pindaan 1972) memerlukan semua ahli badan profesional dan semua graduan dari universiti-universiti tempatan dan seberang laut yang diiktiraf mendaftarkan diri mereka sebagai ahli Institut Akauntan Malaysia (IAM) sebelum menjadi akauntan umum, akauntan berdaftar, akauntan juruaudit atau penasihat cukai.

Melalui pendaftaran, majlis ini dapat mengawasi aktiviti-aktiviti akauntan dalam negara ini termasuk menyiasat dan melaksanakan kuasa-kuasa disiplin ke atas ahli-ahli IAM yang tidak mematuhi peruntukan-peruntukan akta tersebut, katanya.

Akta Akauntan 1967 (Pindaan 1972) juga, jelas beliau, memperuntukkan hanya calon-calon yang berkelayakan, telah dilatih dan mempunyai pengalaman yang sesuai, boleh menjadi ahli-ahli IAM. Beliau berkata, akauntan-akauntan yang tidak menjadi ahli IAM tidak dibenarkan bertugas sebagai akauntan umum.

Katanya, lesen-lesen untuk mengaudit akaun-akaun syarikat dikeluarkan oleh Menteri Kewangan kepada ahli-ahli IAM sahaja.

Pembaharuan lesen tersebut yang dilakukan setiap 3 tahun sekali diluluskan setelah prestasi juruaudit berkenaan dikaji bagi tahun-tahun lalu, kata Datuk Dr. Ling lagi.

IAM, jelasnya, menggalakkan ahli-ahlinya mengambil bahagian dalam program-program latihan lanjutan yang berterusan yang dianjurkan oleh institusi-institusi tempatan atau institusi-institusi di luar negeri.

"IAM juga menggalakkan ahli-ahlinya melengkapkan diri dengan kemajuan-kemajuan semasa dalam bidang perakaunan, kos, dan lain-lain perkataan penting yang berkaitan."

Belanja negara dikurang lebih $3,000j

KUALA LUMPUR, Jumaat — Kerajaan mengurangkan peruntukan negara $3,489 juta tahun ini sebagai langkah berjimat cermat, Dewan Rakyat diberitahu hari ini.

Timbalan Menteri Kewangan, Encik Sabaruddin Chik ketika menjawab soalan Encik V. Govindaraj (BN-Pelabuhan Kelang), berkata, dari jumlah itu, $2,259 juta bagi anggaran pembangunan dan $1,230 juta anggaran mengurus.

Di samping itu, Kerajaan menyediakan garis panduan kepada semua kementerian, jabatan dan agensi kerajaan untuk berjimat cermat selaras dengan pengurangan peruntukan itu.

Menjawab soalan tambahan Encik Alias Ali (BN-Ulu Terengganu) yang ingin tahu kriteria sebelum pemotongan dibuat, beliau menjelaskan:

"Semua pemotongan berdasarkan kajian mendalam antara Perbendaharaan dan sesebuah kementerian. Pemotongan ini bagi projek-projek yang kurang berfaedah saja," tambahnya.

Dari segi anggaran pengurusan pula, berbagai cara dibuat seperti membekukan jawatan-jawatan kosong, mengurangkan penggunaan telefon, mengawasi elaun lebih masa, mengurangkan rombongan ke seminar-seminar luar negeri dan bilangan rombongannya.

Menjawab soalan Wan Mohd Najib Wan Mohamad (BN-Pasir Putih) yang ingin tahu pemotongan anggaran belanjawan tahun depan, beliau berkata:

"Kita tunggu saja pembentangan belanjawan pada 22 Oktober depan," jelasnya.

Alat2 tangkap ikan diberi sekali saja — Manan

KUALA LUMPUR, Jumaat — Pemberian alat-alat menangkap ikan di bawah Skim Subsidi Nelayan dibuat sekali saja, kata Menteri Pertanian, Datuk Abdul Manan Othman, hari ini.

Beliau berkata, subsidi ini termasuk enjin, pukat dan seumpamanya, bertujuan membantu nelayan memperolehi pendapatan yang memuaskan serta membolehkan mereka berdikari.

Datuk Manan berkata demikian ketika menjawab soalan Encik Ibrahim Azmi Hassan (BN-Kuala Nerus) di Dewan Rakyat.

Dalam jawapan bertulis soalan Hajah Wan Zainab M.A. Bakar (BN-Sungai Petani) yang ingin tahu kejayaan projek pembiakan ikan di Sungai Merbuk, beliau berkata:

"Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia mempunyai tiga jenis projek di Sungai Merbuk, iaitu: projek penetasan ikan dan udang, projek ternakan udang dalam kolam, dan projek ternakan ikan dalam sangkar.

Satu pusat penetasan (secara kecil-kecilan) jelasnya, ditubuhkan di Tanjung Dawai sejak 1979.

Projek penetasan ini berjaya menetaskan tiga jenis ikan/udang iaitu ikan siakap, udang belang dan udang putih.

Memandangkan kejayaan ini, LKIM sedang membina satu pusat penetasan yang besar di Sungai Merbuk dengan keupayaan pengeluaran sebanyak 0.75 juta ekor siakap, 4.5 juta ekor udang belang dan 4.8 juta ekor udang putih.

Projek ini hampir siap dan dijangka memulakan operasi pada awal 1983. Seorang pakar dari FAO akan ditempatkan di pusat ini bagi membantu operasi," tambahnya.

Mengenai projek ternakan udang dalam kolam, beliau berkata, sejumlah 70 buah kolam di kawasan seluas 60 hektar telah dibina.

Jenis udang yang diternak ialah udang belang dan udang putih.

Sehingga sekarang, kejayaannya memuaskan, tambahnya.

Seorang 'master fish farmer' dari FAO akan ditempatkan di projek ini untuk membantu dalam meningkatkan pengeluaran dan teknik-teknik ternakan yang baru.

Ternakan ikan dalam sangkar dijalankan di muara Sungai Merbuk. Setakat ini, 30 keluarga telah dilengkapkan dengan 12 sangkar seorang.

Jenis ikan yang diternak ialah siakap dan kerapu.

Katanya, projek ini dilancarkan sejak Mei tahun lalu dan dalam tempoh setahun, peserta berjaya memperolehi pendapatan sampingan sebanyak $200 sebulan.

Jumlah kematian lembu hanya 397 ekor

[K]UALA LUMPUR, [Ju]maat — Dewan [Ra]kyat hari ini [di]beritahu, jumlah [ke]matian sebenar [le]mbu di ladang ...nakan Jabatan Hai... Batang Merbau, ...antan, dalam tem... tujuh tahun lalu ...h 397 ekor dari se... ...nlah 2,625 ekor ...g diterima.

...nteri Pertanian, ...k Abdul Manan Oth... memberitahu ang... ...a PAS Pengkalan ...a, — Haji Nik Abdul ... Nik Mat, semasa ...jawab. Jumlah itu ...masuk kematian anak ternakan yang dias... ...kan kerana tidak ...al bagi pembiakan. ...atanya, kematian ...lembu disebabkan ...faktor-faktor biasa ...erti cirit-birit, ...mahan semasa lahir ...kurang keupayaan ...ambahnya, se-muanya itu adalah biasa dan berlaku di mana-mana sahaja di dunia apabila lembu dipelihara dengan banyak. Di samping itu, hanya ternakan yang bermutu sahaja dikekalkan dan dibiak manakala yang kurang baik dan yang tidak sesuai disaingkan.

Tindakan ini adalah proses biasa dalam usaha pembiakan, katanya.

Kecurian memang tidak berlaku dan kesesuaian iklim tidak menjadi masalah, jelas Datuk Manan.

Daripada angka-angka yang tersebut di atas, hitung panjang kadar kematian/pengasingan hanyalah 2.1 peratus setahun, lebih rendah dari kadar yang boleh diterima, iaitu sebanyak 4 peratus setahun, dalam mana-mana pemeliharaan ternakan di seluruh dunia, tambahnya.

Kuasa2 besar digesa ubah sikap terhadap PBB

KUALA LUMPUR, Jumaat — Malaysia akan terus berusaha ke arah menyedarkan kuasa-kuasa besar dunia tentang perlunya mengubah dasar dan sikap negatif mereka terhadap Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), demikian Dewan Rakyat diberitahu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar, Encik Kadir Sheikh Fadzir memberitahu anggota BN Sabak Bernam, Datuk Jamaluddin Haji Suhaimi semasa soal jawab semalam.

"Penegasan ini telah dibuat oleh Perdana Menteri kita, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dalam ucapannya yang telah disambut hangat di perhimpunan agung pertubuhan tersebut di New York pada 29 September 1982.

Perdana Menteri menegaskan bahawa semua negara, termasuk Malaysia mesti membantu Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk memulihkan kepercayaan dan keyakinan masyarakat antarabangsa terhadap pertubuhan itu supaya ia dapat memainkan peranan yang lebih berkesan untuk mempertahan dan mengekalkan keamanan serta kestabilan dunia.

Lemah

"Perdana Menteri menegaskan, ketegasan Malaysia dan juga negara-negara kecil yang lain akan tinggal kata-kata sahaja jika tidak ada sokongan penuh serta penukaran sikap negara-negara kuasa besar terhadap Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu," jelasnya.

Perdana Menteri menekankan betapa perlunya negara-negara kuasa besar menukar sikap dan dasar mereka yang negatif terhadap Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan memberi nafas baru kepada pertubuhan dunia itu dengan cara mematuhi piagam Bangsa-Bangsa Bersatu dan melaksanakan keputusan-keputusan yang telah diambil oleh pertubuhan tersebut, tambah Encik Kadir.

"Kementerian Luar Negeri memang sedar bahawa Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sekarang ini sudah lemah dan tidak lagi begitu mendapat kepercayaan dari ahli-ahlinya sendiri.

"Malaysia sebagai sebuah negara yang sentiasa mematuhi piagam Bangsa-Bangsa Bersatu, dan meyakini potensi pertubuhan dunia ini dalam memainkan peranan penting bagi memelihara keamanan dan keselamatan antarabangsa serta memajukan kesejahteraan penduduk di seluruh dunia, telah pun beberapa kali menegaskan tentang perlunya kedudukan dan kewibawaan badan dunia itu sentiasa diperkuat dan diperkukuhkan.

"Di samping itu, kita sendiri telah buktikan sikap ini dengan memainkan peranan aktif dalam segala kegiatan pertubuhan tersebut," tegasnya.

Jumlah gred tembakau kering tidak dikurang

KUALA LUMPUR, Jumaat — Kerajaan tidak bercadang mengurangkan jumlah gred tembakau kering buat masa ini kerana senarai yang ada dapat memberi pulangan munasabah kepada pengawet-pengawet tembakau.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Encik Bujang Haji Ulis memberitahu anggota BN Pasir Putih, Wan Najib Wan Mohamad, di negara-negara pengeluar tembakau lain, jumlah gred tembakau kering adalah lebih banyak.

Bagaimanapun, kerajaan membuat kajian dari masa ke semasa bagi menentukan bahawa struktur grednya adalah sesuai.

Mengenai harga daun tembakau pula, kerajaan berpendapat bahawa struktur harga daun hijau dan kering yang ada sekarang adalah berpatutan.

Kerajaan sentiasa membuat kajian untuk memastikan bahawa struktur harganya sesuai untuk satu-satu masa tertentu, tambahnya.

Encik Bujang menjelaskan, tembakau kering digredkan kepada 22 jenis gred.

Gred yang banyak ini, jelasnya bertujuan mengelakkan penyelewengan dan kerajaan melalui Lembaga Tembakau Negara, sentiasa mengawasi aktiviti-aktiviti pemasaran daun kering.

Kementerian Sains akan dipopularkan

KUALA LUMPUR, Jumaat — Beberapa langkah diambil untuk mempopularkan peranan dan fungsi Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, demikian Dewan Rakyat diberitahu hari ini.

Menteri berkenaan, Datuk Amar Stephen Yong berkata, antara langkah itu ialah mengeluarkan risalah dan majalah kepada orang ramai mengenai fungsi kementeriannya.

"Beberapa langkah lain juga sedang dan akan diambil untuk mempopularkan kementerian saya," katanya ketika menjawab soalan tambahan Encik Alias Ali (BN-Hulu Terengganu).

Pusat2 pemulihan banjir sudah sedia

KUALA LUMPUR, Jumaat — Sejumlah 2,184 pusat pemulihan banjir yang boleh menempatkan 620,000 orang sedang disediakan untuk menghadapi kemungkinan banjir di seluruh negara.

Seorang jurucakap Kementerian Kebajikan berkata hari ini, pihaknya telah mengenalpasti beberapa markas hadapan dan makanan kering seperti beras, sardin, ikan bilis, minyak masak dan sebagainya disimpan di situ.

Markas-markas tersebut sedang disediakan untuk memenuhi kemungkinan banjir memutuskan jalan-jalan pengangkutan, katanya.

Kementerian telah berhubung dengan Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) untuk mengenalpasti tempat-tempat di mana beras disimpan.

Menurut jurucakap itu lagi, para pegawai kebajikan telah membuat persiapan lanjut.

Bilik gerakan yang bertugas 24 jam telah siap sedia untuk dimulakan bila-bila masa sahaja.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kaji Cuaca Dr. Lim Joo Tick berkata, Monsun Timur Laut dijangka menyelubungi Semenanjung Malaysia dari lewat bulan ini hingga pertengahan bulan Januari.

Di Semenanjung Malaysia, negeri-negeri yang besar kemungkinan dilanda monsun ialah Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor Timur.

Negeri-negeri di pantai barat akan terlindung daripada monsun oleh banjaran gunung.

Pengarah Lembaga Peperiksaan, Encik Omar Hashim berkata, lembaga itu telah menghantar garis-garis panduan kepada semua Pengarah Pelajaran Negeri sebulan dahulu mengenai banjir.



Majlis Teater untuk sekolah2

MUAR, Jumaat — Jabatan Pelajaran Negeri Johor menubuhkan sebuah badan Majlis Teater bertujuan menyelaraskan kegiatan kebudayaan di sekolah-sekolah di negeri ini.

Majlis itu ditubuhkan pada 25 September lalu antara lain untuk menggalak dan mengembangkan seni drama, seni muzik dan seni tari, demikian menurut seorang jurucakap jabatan itu di sini.

Majlis itu yang diletakkan di bawah naungan Pengarah Pelajaran Negeri dianggotai oleh pelajar-pelajar dan Pegawai Perkhidmatan Pelajaran yang berminat.

Dengan menubuhkan Majlis Teater itu, semua tenaga penggerak teater, terutama guru-guru di negeri ini dapat digabungkan ke arah satu tujuan, di samping menyediakan satu gelanggang melatih, mencungkil dan mengembangkan pelajar-pelajar yang berbakat.

Majlis Teater itu akan mengambil alih fungsi kegiatan budaya yang tidak begitu dititikberatkan oleh Persatuan Sukan dan Kebudayaan, Perkhidmatan Pelajaran (PSKPP).

Jurucakap itu selanjutkan menerangkan, ura-ura menubuhkan Majlis Teater Sekolah-sekolah itu ditimbulkan dalam perbincangan antara guru-guru sekolah di sini.

Dalam perbincangan itu, guru-guru kumpulan drama mendapati perlu ditubuhkan Majlis Teater Sekolah-Sekolah Johor, sebagaimana yang telah dilakukan oleh Jabatan Pelajaran Negeri Kedah dan Perlis.

Jangan abai keselamatan diri anda

KITA tidak seharusnya mengabaikan keselamatan dirii ketika menjalankan tugas masing-masing.

Tetapi salah seorang pekerja pembinaan ini mungkin telah terlupa hendak memakai topi yang disediakan ketika menjalankan tugasnya di projek pembinaan bangunan Dayabumi, Kuala Lumpur semalam.

Kedua orang rakannya pula tidak lupa menjaga keselamatan masing-masing kerana telah menggunakan topi keselamatan yang disediakan oleh pihak pengurusan untuk melindungi kepala dari sebarang bahaya.

Negara2 getah asli bekukan pemasaran

KUALA LUMPUR, Jumaat — Negara-negara industri getah dalam Persatuan Negara-Negara Pengeluar Getah Asli (ANRPC) bersetuju membekukan pemasaran 250,000 tan metrik stok getah asli bagi tempoh enam bulan mulai 1 Oktober ini.

Menteri Perusahaan Utama, Datuk Paul Leong berkata, langkah ini sejajar dengan keadaan kemelesetan ekonomi dunia.

Tambahnya, dari jumlah pembekuan ini, kerajaan bersetuju membekukan 129,000 tan metrik getah asli di negara ini.

Katanya, jumlah ini termasuk 51,000 tan metrik getah asli di sektor estet, 39,000 tan metrik di sektor perdagangan dan 39,000 tan metrik yang dibeli oleh MARDEC dan RISDA dari pekebun-pekebun kecil.

Bercakap kepada pemberita selepas menerima kunjungan Setiausaha Negara Perdagangan Luar Romania, Encik Lon N. Nocoloa di pejabatnya di Wisma Keramat pagi ini, beliau berkata, Pertubuhan Getah Asli Antarabangsa (INRO) masih menyimpan getah asli berharga $176 juta dalam stok akaun.

Memandangkan keadaan dunia sekarang, katanya adalah lebih baik pemasaran getah asli ditangguh atau dibekukan untuk memulihkan keadaan yang merosot.

Katanya, duti atau cukai yang dikenakan terhadap getah gred paling rendah atau RSS 3, kini ialah 7 sen berbanding 13.7 sen pada tahun sebelumnya.

"ANRPC terpaksa membekukan pemasaran getah asli bagi mengatasi masalah pasaran yang dijangka jatuh ke paras $4 sekilo di tahun 1990, jika keadaan berjaga-jaga tidak diambil," katanya.

Mengenai lawatan Encik Lon N. Nocoloa pula, beliau berkata, Romania bercadang mengamalkan sistem perdagangan 'tukar barang' dengan kita.

Di samping itu, katanya, Romania juga mengimport getah asli sebanyak 18,318 tan metrik bernilai $44.6 juta pada tahun 1981 berbanding tahun 1975 hanya 5,760 tan metrik.

Tambahnya, perdagangan dua hala antara Malaysia dengan Romania tahun lalu juga menguntungkan negara sebanyak $71.2 juta, berbanding $26 juta pada tahun 1977.

LANGKAH2 BARU JAMIN PASARAN MINYAK KELAPA SAWIT DIAMBIL

KUALA LUMPUR, Jumaat — Malaysia terpaksa merancang langkah-langkah baru bagi menjamin pasaran minyak kelapa sawit di pasaran dunia di masa hadapan.

Meskipun negara kini menghadapi persaingan dan menghadapi keadaan ketidakstabilan ekonomi yang hebat, dan permintaan yang kurang, pengeluaran minyak kelapa sawit dijangka bertambah ke paras empat juta tan metrik menjelang tahun 1985.

Sebagai langkah mengatasi masalah pasaran, di samping memperkukuhkan pasaran minyak kelapa sawit, Kementerian Perusahaan Utama dengan kerjasama PORLA telah menghantar rombongan ke negara-negara Afrika pada 10 Oktober lalu.

Rombongan yang diketuai oleh Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Utama, Encik Yusof Basir sedang melawat Nairobi, Khartoum dan Lagos untuk memperkukuhkan strategi pemasaran minyak kelapa sawit negara.

Menurut kenyataan akhbar, Kementerian itu hari ini rombongan sepuluh orang itu juga akan berusaha membuka skop pasaran baru di Sudan di samping:

- Memperkenalkan perusahaan minyak kelapa sawit dan meyakinkan pengguna-pengguna di negara-negara berkenaan tentang mutu dan bekalan yang terjamin.
- Memperkenal dan memberi penerangan lanjut mengenai sifat dan penggunaan minyak dan lemak kelapa sawit.
- Mengenali dan menyelesaikan masalah serta keraguan yang dihadapi oleh pengguna berkenaan dengan penggunaan minyak kelapa sawit serta membuat penilaian potensi pasaran.
- Mewujudkan serta mengeratkan perhubungan perdagangan dengan pihak pengimport dan pengguna di negara-negara yang dilawati.

Lawatan selama 14 hari juga bertujuan mengeratkan lagi perhubungan dengan jabatan-jabatan kerajaan dan kalangan peniaga di negara-negara tersebut.

Bekalan air terganggu

KUALA LUMPUR, Jumaat — Bekalan air di beberapa kawasan di Kepung dan Hulu Kelang akan terganggu Ahad ini kerana kerja-kerja penyambungan paip air.

Kawasan-kawasan terlibat ialah Jinjang Selatan dan Utara, Taman Seri Segambut dan sekitar, Kepung Baharu, Taman Kepung, Taman Desa Jaya, Taman Ehsan, Jalan Kepung dan Pekan Kepung, Taman Bukit Maluri, Taman Nanyang, semua kawasan sekitar Batu 4 dan 5 Jalan Ipuh, semua kawasan sekitar Jalan Kuching, Batu Kantonment, Batu Married Quarters dan Segambut Dalam.

Gangguan di Hulu Kelang hanya meliputi kawasan perusahaan.

Projek2 makmur di Sungai Lalang

SUNGAI PETANI, Jumaat — Pekan Sungai Lalang, dekat sini, diramalkan bertambah makmur dalam tempoh lima tahun akan datang bila berbagai projek pembangunan di situ siap dilancarkan.

Ketika meramalkan demikian Pemungut Hasil Tanah Daerah Kuala Muda, Encik Zulkifli Haji Ismail berkata, Sungai Lalang turut diberi perhatian oleh pihak kerajaan dalam proses pembangunan yang berjalan sekarang.

Katanya, "Memandangkan berbagai pembangunan terutama projek pembinaan rumah dan kedai pesat dilaksanakan sudah tentu masa depan pekan kecil ini akan menjadi lebih baik di masa akan datang."

Encik Zulkifli kemudian menasihatkan penduduk di situ yang masih belum menjelaskan hutang cukai tanah mereka supaya berbuat demikian dengan segera.

Katanya "Penjelasan hutang ini dengan segera boleh membantu mempercepatkan lagi segala projek yang akan dilaksanakan oleh kerajaan nanti."

Apabila anda berada di Kuala Lumpur,
...unjungilah Globe Silk Store ...ntuk segala keperluan anda
TINGKAT LIMA
TINGKAT EMPAT
TINGKAT TIGA
TINGKAT DUA
TINGKAT SATU
TINGKAT BAWAH
Globe-pusat membeli belah sekeluarga
Globe Silk Store

...PUNAN HAUTE COUTURE UNTUK ...AHAN PAKAIAN, PAKAIAN LELAKI ...TINGS DAN BAJU SWISS VOILE ...termasuk barang barang lain yang ada di setor
kurang 10-50%
KHEMCO'S 68, HIGH STREET SINGAPORE 0617. TEL: 3372538

...AWARAN ...NGGA STOCK ...ASIH ADA
BERITA BAIK
...DIAH PERCUMA TILAM SPRING DAN ...ELIAN SATU SET PERHIASAN BILIK TIDUR.
...DIAH PERCUMA MEJA CERMIN DENGAN ...ELIAN SATU SET SOFA.
...DIAH PERCUMA SET KERUSI DENGAN ...ELIAN SATU SET MEJA MAKAN.
...IKAT PERNIAGAAN ...HONG
...3, Jalan Perisai, ...Sri Tebrau, ...Bahru, West Malaysia. ...144 (4 lines)
8.30 pagi hingga 6.00 ptg.